

NOTA PENERANGAN

MEMORY CHALLENGE SIMPAN SSPN

1. Kempen Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 adalah merupakan salah satu kempen yang telah dirangka dan dilaksanakan bermula tahun 2018 sebagai salah satu kempen promosi dalam usaha untuk menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama masyarakat untuk membuat penabungan.
2. *Memory Challenge* merupakan slot interaksi dan terbuka di antara PTPTN dengan pelanggan secara langsung. Aktiviti ini juga menawarkan cenderamata menarik untuk pelanggan yang mengambil bahagian sepanjang aktiviti ini dijalankan.

TARIKH PERTANDINGAN

3. Pertandingan ini akan diadakan pada **27 hingga 28 Oktober 2023 (Jumaat hingga Sabtu)** bertempat di **Vanity Atrium, Sunway Velocity Mall, Kuala Lumpur**.
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tarikh pertandingan ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh tersebut.

KELAYAKAN PENYERTAAN

5. Terbuka kepada:-
 - i. Kategori 1: Peserta berumur 6 - 9 tahun
 - ii. Kategori 2: Peserta berumur 10 - 12 tahun
 - iii. Kategori 3: Peserta berumur 13 - 18 tahun
 - iv. Kategori terbuka

CARA PERMAINAN

7. Peserta akan diarahkan untuk melihat ke arah skrin.
8. Peserta akan diberikan tempoh selama 10 saat untuk menghafal dan mengingati objek yang dipaparkan pada skrin.
9. Peserta akan diberikan kertas untuk mencatatkan semula apa yang terpapar di skrin sebelum ini di atas kertas jawapan dan perlu dikembalikan semula kepada *emcee* dalam tempoh yang ditetapkan.
10. Peserta yang mengembalikan jawapan yang terawal dan paling tepat dikira sebagai pemenang atau tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.

HADIAH PERTANDINGAN DAN TUNTUTAN HADIAH

PEMENANG	HADIAH
	Cenderamata PTPTN

- 11. PTPTN tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kelewatan atau kegagalan menerima notifikasi atas apa-apa sebab, kesulitan teknikal yang berkaitan dengannya atau kegagalan peserta memberikan butiran diri setelah diumumkan sebagai pemenang.
- 12. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
- 13. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.

PERUNTUKAN UMUM

- 14. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam pertandingan ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan sepertimana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan terdahulu yang berkaitan dengannya.
- 15. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/ atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peserta. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan pertandingan ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peserta untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- 16. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peserta tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
- 17. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.
- 18. Penyertaan peserta dalam kempen ini adalah atas risiko peserta sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
- 19. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung pertandingan ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.

Memory Challenge Simpan SSPN

20. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, video, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peserta, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Nota Penerangan penuh

***Memory Challenge Simpan SSPN
Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023***

Maklumat dikemas kini pada 15 September 2023